



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			

# Tiga ekor lembu dibaham dalam dua minggu Harimau kumbang makin mengganas

NOR AINNA HAMZAH

**KUALA PILAH** – Penduduk di Kampung Gamin Hilir di sini, gempar apabila menemui bangkai seekor lembu di kawasan kebun kelapa sawit dipercayai dibaham harimau kumbang semalam.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Gamin, Faizullah Abdul Mutalib berkata, kira-kira pukul 10 pagi, orang kampung memaklumkan menemui bangkai lembu di kawasan kebun yang terletak 100 meter dari rumahnya.

"Malam tadi lebih kurang pukul 8 malam, saya dimaklumkan ada orang dengar bunyi lembu seolah-olah digigit. Pagi ini, dia pergi tengok nampak ada bangkai lembu ini.

"Ini merupakan kali pertama aduan binatang ternakan dibaham harimau kumbang di sini, namun aduan yang sama iaitu binatang ternakan dibaham harimau kumbang pernah berlaku di kampung sebelah tahun lalu," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, Kampung Gamin Hilir semalam.

Seorang penternak lembu, A.S. Alagan, 50, berkata, dalam tempoh dua minggu ini, tiga ekor lembu ternakannya ditemui mati di sekitar kawasan kebun kelapa sawit dan dia juga pernah tersempak dengan harimau kumbang sedang membaham babi hutan sedang seminggu lalu.

"Saya dah ternak lembu hampir 20 tahun, tapi ini baru kali pertama binatang saya dibaham harimau kumbang. Saya tak buat aduan kepada Jabatan Perlin-



**PENDUDUK kampung menunjukkan bangkai lembu yang mati dipercayai dibaham harimau kumbang di kebun kelapa sawit Kampung Gamin Hilir, Kuala Pilah semalam.**

dungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kerana masih ragu-ragu ketika itu," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati ada kesan gigitan harimau kumbang di leher bangkai binatang ternakan berkenaan.

Menurutnya, selain itu kesan tapak kaki harimau kumbang juga ditemui di kawasan berhampiran bangkai ternakan tersebut dan pihaknya akan memasang perangkap dalam masa terdekat.

"Ini merupakan aduan keempat di negeri ini yang kita terima mengenai harimau kumbang masuk ke kampung," ujarnya.